



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**RAYUAN TERHADAP
SESUATU TAKSIRAN**

**TAMBAHAN KEPADA
KETETAPAN UMUM NO. 3/2001**

TARIKH KELUARAN: 18 MEI 2009



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**RAYUAN TERHADAP
SESUATU TAKSIRAN**

**Tambahan Kepada
Ketetapan Umum No. 3/2001
Tarikh Keluaran: 18 Mei 2009**

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**



**RAYUAN TERHADAP SESUATU TAKSIRAN
TAMBAHAN KEPADA KETETAPAN UMUM NO. 3/2001**

1. Tambahan ini memberi penjelasan berkenaan dengan rayuan terhadap pemberitahuan tidak kena cukai.
2. Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan Tambahan ini adalah seksyen 97A.
3. **Rayuan Terhadap Pemberitahuan Tidak Kena Cukai – seksyen 97A ACP**
 - 3.1 Sebelum peruntukan seksyen 97A ACP diperkenalkan, seseorang hanya layak merayu kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP) sekiranya tidak berpuas hati dengan sesuatu taksiran yang telah dibuat atau disifatkan dibuat oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia (KPHDNM). Seseorang tidak layak merayu kepada PKCP bagi kes tidak dikenakan cukai iaitu di mana notis taksiran tidak dikeluarkan dan hanya layak merayu di tahun-tahun hadapan apabila notis taksiran dikeluarkan.
 - 3.2 Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009, hak seseorang untuk merayu kepada PKCP diperluaskan kepada kes tidak layak dikenakan cukai.
 - 3.3 Di bawah peruntukan baru seksyen 97A ACP, pemberitahuan tidak kena cukai akan dikeluarkan kepada seseorang mengikut keadaan berikut, iaitu:
 - (a) dalam kes di mana seseorang telah diaudit dan KPHDNM mendapati tiada taksiran perlu dibuat bagi suatu tahun taksiran kerana ketiadaan pendapatan larasan, pendapatan berkanun, pendapatan agregat atau jumlah pendapatan. Pemberitahuan tidak kena cukai dan pelarasan pengiraan cukai bagi tahun taksiran berkaitan akan dikeluarkan oleh cawangan yang mengendalikan fail cukai pendapatan orang itu.
 - (b) dalam kes di mana seseorang telah mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bagi suatu tahun taksiran dan melaporkan tidak kena cukai tetapi berhasrat untuk merayu kerana tidak bersetuju dengan layanan cukai yang dinyatakan dalam ketetapan umum atau pendirian Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Orang itu hendaklah memohon secara bertulis kepada LHDNM untuk mendapatkan pemberitahuan tidak kena cukai.
 - (c) dalam kes di mana seseorang (selain daripada syarikat, badan amanah atau koperasi) tidak dikehendaki mengemukakan BNCP bagi sesuatu tahun taksiran di bawah subseksyen 77(1) ACP tetapi berhasrat untuk merayu kerana tidak bersetuju dengan layanan cukai yang dinyatakan



dalam ketetapan umum atau pendirian LHDNM. Orang itu hendaklah mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran tersebut dan memohon secara bertulis kepada LHDNM untuk mendapatkan pemberitahuan tidak kena cukai.

- 3.4 Bagi tujuan perenggan 3.3(b) dan (c), Jabatan Pemprosesan Maklumat, LHDNM akan mengeluarkan pemberitahuan tidak kena cukai kepada orang itu setelah surat permohonan mendapatkan pemberitahuan tidak kena cukai diterima.
- 3.5 Pemberitahuan tidak kena cukai dianggap sebagai notis taksiran dan menjadi asas pengemukakan rayuan kepada PKCP. Seseorang yang berhasrat untuk merayu kepada PKCP hendaklah mengemukakan rayuan dalam tempoh 30 hari selepas pemberitahuan tersebut diserahkan kepadanya.

Contoh 1:

Syarikat Jaya Holding Berhad menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran 2008 pada 30.06.2009. Syarikat tidak dikenakan cukai tetapi tidak bersetuju dengan layanan cukai tertentu yang dinyatakan dalam Ketetapan Umum No. 2/2008. Syarikat ingin membuat rayuan kepada PKCP dan memohon kepada LHDNM untuk mendapatkan pemberitahuan tidak kena cukai. LHDNM mengeluarkan pemberitahuan tidak kena cukai kepada syarikat dan menyerahkannya kepada syarikat pada 20.08.2009.

Rayuan kepada PKCP hendaklah dikemukakan oleh syarikat tidak lewat dari 19.09.2009.

Contoh 2:

Ramli Ahmad memulakan perniagaan pada 01.02.2006. Beliau tidak dikenakan cukai bagi tahun taksiran 2006 hingga 2008 dan tidak dikehendaki mengemukakan BNCP bagi ketiga-tiga tahun taksiran tersebut. Beliau mematuhi semua ketetapan umum yang berkaitan dalam penyediaan pengiraan cukai bagi tahun taksiran 2006 hingga 2008 tetapi tidak bersetuju dengan layanan cukai tertentu yang dinyatakan dalam Ketetapan Umum No. 5/2005. Beliau berhasrat untuk merayu kepada PKCP. Dengan itu Ramli mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran 2006, 2007 dan 2008 pada 30.03.2009 dan memohon kepada LHDNM untuk mendapatkan pemberitahuan tidak kena cukai. LHDNM mengeluarkan pemberitahuan tidak kena cukai kepada Ramli dan menyerahkannya kepada Ramli pada 20.04.2009.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**RAYUAN TERHADAP
SESUATU TAKSIRAN**

**Tambahan Kepada
Ketetapan Umum No. 3/2001
Tarikh Keluaran: 18 Mei 2009**

Rayuan kepada PKCP hendaklah dikemukakan oleh Ramli tidak lewat dari 20.05.2009.

3.6 Peruntukan dalam ACP mengenai rayuan dan prosedur yang dijelaskan dalam Ketetapan Umum No. 3/2001 adalah terpakai kepada rayuan terhadap pemberitahuan tidak kena cukai di bawah seksyen 97A ACP ini.

4. Pindaan maksud ejen cukai

Bagi tujuan ketetapan ini, maksud "ejen cukai" di perenggan 4.1 dalam Ketetapan Umum No. 3/2001 dipinda kepada "mana-mana akauntan profesional atau orang yang diluluskan oleh Menteri" berkuat kuasa mulai 1 Januari 2007.

5. Tambahan ini adalah sebahagian daripada Ketetapan Umum No. 3/2001 dan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**